

HASiL/2025/09/23 - 78

HASiL DEKATI KOMUNITI PERUSAHAAN MIKRO KECIL DAN SEDERHANA

MENERUSI SIRI KEDUA

PROGRAM JELAJAH MEGA E-INVOIS 2025

Pulau Pinang, 23 September 2025 – Sebagai komitmen berterusan terhadap pemerkasaan digital dalam sistem percukaian negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) tampil sekali lagi dengan menganjurkan **Program Jelajah Mega e-Invois Siri Kedua Tahun 2025** yang diadakan serentak di seluruh Malaysia. Dengan pendekatan turun padang secara bersemuka ke premis pembayar cukai, program ini dilihat sebagai peluang untuk mendekati komuniti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), bagi menyampaikan maklumat, memberi penerangan serta menyediakan khidmat sokongan mengenai pelaksanaan e-Invois.

Penganjuran program di Pulau Mutiara ini mencerminkan iltizam HASiL untuk terus mendampingi komuniti PMKS, seiring dengan usaha kerajaan memperkukuh sistem percukaian serta memperluas adaptasi digital di peringkat akar umbi. Dengan kekuatan seramai 1,000 pegawai meliputi 38 pejabat HASiL serta sasaran lebih 7,000 lawatan ke premis perniagaan di seluruh negara, program ini menjadi platform strategik bagi pembayar cukai mendapatkan khidmat nasihat dan sokongan berterusan berkaitan pelaksanaan e-Invois.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, bertempat di Menara HASiL Pulau Pinang. Turut hadir memeriahkan majlis ialah YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan, YBhg. Dato' Zamzuri Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), YBrs. Tuan John Patrick, Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan serta barisan pengurusan kanan HASiL dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Menteri Kewangan II dalam ucapannya berkata, pelaksanaan e-Invois di Malaysia telah berjaya melepasi tempoh satu tahun sejak mula diperkenalkan pada Ogos tahun lalu. Secara keseluruhannya lebih daripada **102,800 pembayar cukai** telah melaksanakan e-Invois yang melibatkan pengeluaran lebih daripada **563 juta e-Invois**, dan sambutan yang diterima amat positif, malah terdapat pembayar cukai yang telah melaksanakan e-Invois secara sukarela lebih awal dari garis masa mandatori. Menurut beliau, Kerajaan menyambut baik program ini yang bertujuan memberikan penerangan dan mendapatkan maklum balas secara langsung daripada PMKS berkenaan inisiatif pelaksanaan e-Invois yang akan melibatkan lebih ramai peniaga mulai 1 Januari 2026.

Sementara itu, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dalam ucapannya berkata, pelaksanaan program ini membuktikan kesungguhan HASiL dalam menyampaikan maklumat secara langsung kepada komuniti PMKS di seluruh negara. Beliau turut memaklumkan bahawa antara inisiatif utama yang diperkenalkan bagi menyokong pelaksanaan e-Invois ialah Portal MyInvois, iaitu platform rasmi secara percuma untuk pembayar cukai menjana, menyimpan dan menyerahkan e-Invois kepada HASiL dan terkini adalah MyInvois e-

POS iaitu platform digital *Point-of Sale* (POS) secara percuma yang dibangunkan khas untuk PMKS yang mencatatkan pendapatan atau jualan tahunan kurang daripada RM750,000. Tambah beliau, kedua-dua platform ini dibangunkan bagi memastikan tiada PMKS yang tertinggal dalam pelaksanaan e-Invois, dan ia boleh diakses tanpa kos tambahan oleh semua pembayar cukai yang layak.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun sepanjang program ini berlangsung termasuk:

- a. **Lawatan Turun Padang ke Premis Pembayar Cukai** bagi memberi kesedaran dan pendidikan e-Invois serta penerangan ringkas berkaitan pelaksanaan e-Invois kepada pembayar cukai terutama kepada pembayar cukai fasa keempat dan kelima;
- b. **Taklimat dan Webinar pelaksanaan e-Invois** di seluruh Malaysia dengan agenda untuk memberikan **penerangan dan demonstrasi** penggunaan portal MyInvois/Aplikasi MyInvois; dan
- c. **Pembukaan 38 Kaunter Perkhidmatan** di pejabat utama HASiL di setiap negeri bagi memberi khidmat nasihat berkaitan e-Invois dan penggunaan portal MyInvois, Aplikasi MyInvois dan MyInvois e-POS.

Pendekatan ini menunjukkan komitmen HASiL untuk menjadikan pelaksanaan e-Invois sebagai satu usaha kolektif antara kerajaan dan komuniti PMKS, dengan memberi penekanan kepada pendidikan, sokongan teknikal dan komunikasi berkesan.

Sebagai maklumat tambahan, HASiL turut menyediakan pelbagai saluran komunikasi bagi membolehkan pembayar cukai mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan e-Invois. Pembayar cukai dinasihatkan untuk menghubungi **saluran khas e-Invois** yang disediakan oleh HASiL bagi mendapatkan bantuan khidmat nasihat berkenaan pelaksanaan e-Invois seperti yang berikut:

- a. Berkunjung ke Pejabat HASiL;
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois *Live Chat*;
- d. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE **BEYOND** LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 23 September 2025

LAMPIRAN



YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II menyampaikan ucapan sempena Majlis Perasmian Jelajah Mega e-Invois (Siri 2) 2025.



Menteri Kewangan II (tengah) menyempurnakan sesi pelepasan petugas (*flag-off*) diiringi YB Puan Lim Hui Ying (kiri), Timbalan Menteri Kewangan, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (kanan) serta barisan pengurusan kanan HASiL dan Kementerian Kewangan.



Sesi lawatan Menteri Kewangan II ke premis dan menyantuni peniaga, turut disertai oleh TMK, KPE HASiL serta YBrS. Rasyidah Che Rosli, Pengarah Bahagian e-Invois, Sektor Operasi Cukai.



Lawatan ke lokasi Jelajah Mega e-Invois (Siri 2) 2025 oleh MK II di sekitar Persiaran Paya Terubong hari ini.